



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MEMENUHI ADAB WALIMATULURUS”

17 Januari 2025 / 17 Rejab 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“MEMENUHI ADAB WALIMATULURUS”

Firman Allah SWT, surah Ar-Rum ayat 21:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾﴾

Bermaksud: Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat Nya, Dia menciptakan untuk mu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri daripada jenis mu sendiri, agar kamu senang hati dan hidup mesra dengannya, dan Dia menjadikan antara kamu (suami isteri) rasa kasih dan sayang serta belas kasihan. Sesungguhnya perkara ini benar-benar mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.

Istilah ‘walimatulurus’ berasal daripada bahasa Arab (وَلِيمَةُ الْعُرُوسِ) bermaksud perhimpunan kedua pasangan suami isteri, merujuk perihal majlis perkahwinan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



pasangan yang baru diijabkabulkan. Walimah juga merujuk akan hidangan makanan yang disediakan untuk para tetamu semasa berlangsungnya majlis perkahwinan dalam semangat meraikan kegembiraan.

Dalam tempoh cuti persekolahan, bermula 18 Januari sehingga 16 Februari 2025, menjadi kebiasaan masyarakat Islam di negara kita melaksanakan majlis perkahwinan. Majlis walimah merupakan detik dan suasana yang sangat dinanti-nantikan, serta memberikan kegembiraan kepada pengantin, ahli keluarga dan para tetamu. Walimatulurus menjadi wasilah yang dapat menghimpun dan mempertemukan sanak saudara, sahabat dan taulan untuk saling berukhuwah dan bersilaturahmi, dalam memenuhi tujuan utama meraikan hari bahagia pasangan mempelai yang baru diijabkabulkan.

Walimah diadakan bertujuan untuk menghebahkan perkahwinan supaya sanak saudara, sahabat dan taulan, serta jiran tetangga tidak merasa ragu terhadap hubungan pasangan yang telah sah diijabkabulkan sebagai suami isteri; bertepatan dengan pandangan jumur fuqaha bahawa hukum mengadakan walimatulurus adalah sunat *muakkad*; iaitu sunat yang amat dituntut untuk dilakukan. Rasulullah SAW bersabda:

أَعْلِنُوا هَذَا النِّكَاحَ وَاجْعَلُوهُ فِي الْمَسَاجِدِ وَاضْرِبُوا عَلَيْهِ بِالذُّفُوفِ

Bermaksud: "Hebahkanlah akan pernikahan ini dan lakukanlah ia di masjid, dan palulah (raikannya) dengan memukul gendang (di luar masjid)." (Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Muslimin yang dilimpahi fadilat Ilahi

Melaksanakan walimatulurus ialah amalan baik dan merupakan ibadah yang dituntut. Bagi memastikan majlis dilimpahi keretaan Ilahi, majlis hendaklah berlangsung selaras dengan kehendak syarak; oleh itu semua pihak yang terlibat, merangkumi tuan rumah, penganjur majlis, tetamu yang diundang dan pengacara majlis, hendaklah memberi perhatian kepada beberapa anjuran adab walimatulurus.

Mimbar menyenaraikan beberapa adab khusus bagi tuan rumah:

Pertama: Laksanakan majlis secara sederhana dalam semangat kesyukuran mengikut kemampuan kewangan pengantin dan keluarga; hindarkan niat



untuk bermegah-megah berunsur riak, hingga terpaksa mengeluarkan belanja besar di luar kemampuan, lalu terjebak menghadapi beban hutang.

Kedua: Menghulurkan jemputan kepada para tetamu bermula dengan kaum keluarga, rakan dan jiran terdekat, dengan niat untuk mengeratkan ukhuwah dan persaudaraan; serta menghormati secara saksama setiap orang tetamu tanpa membeza-bezakan antara yang kaya dengan yang miskin

Ketiga: Majlis hendaklah mematuhi syariat dan hukum hakam Islam, makanan yang disediakan secara sederhana, begitu juga hiasan tidak keterlaluan untuk menghindarkan perbuatan membazir; juga dipastikan majlis tidak disulami dengan perkara-perkara yang mengundang kemurkaan Illahi.

Keempat: Tuan rumah dan pengantin terutamanya perlu mengatur masa dengan sebaiknya agar kewajipan solat tidak terabai disebabkan kesibukan melayan tetamu atau memenuhi acara-acara yang terlalu berjela.

Kelima: Memastikan khidmat pengacara majlis dimanfaatkan sebaiknya. Menggunakan bahasa yang sesuai dan sopan, menitip pesanan dan nasihat yang berguna. Memastikan muzik, lagu dan nasyid yang didendangkan tidak terlalu kuat dan bingit hingga mengganggu para tetamu untuk boleh berbual dan beramah mesra sedangkan matlamat utama majlis adalah untuk mengeratkan silaturahim.

Mimbar turut menyenaraikan beberapa adab kepada tetamu yang menerima undangan:

Pertama: Berusaha menghadiri diri ke majlis walimatulurus kerana kebanyakan sarjana Islam menghukumkan wajib memenuhi undangan melainkan terdapat keuzuran yang tidak dapat dielakkan, atau kerana mengetahui majlis tersebut mengandungi dan dipenuhi dengan perkara-perkara yang tidak menepati syariat Islam.

Kedua: Memberikan jawapan kehadiran seawal mungkin sebaik menerima jemputan, untuk membantu urusan persediaan tuan rumah; dan wajib hadir setelah memberikan jawapan akan hadir; dan wajib dimaklumkan



secepat mungkin jika tidak dapat hadir selepas memberikan jawapan hadir, jika ada berlaku keuzuran berat yang tidak boleh dielakkan.

Ketiga: Menghormati waktu jemputan, jangan sampai terlalu awal ketika tuan rumah belum bersedia; atau jangan sampai terlalu lewat melepasi daripada waktu yang telah ditetapkan dalam jemputan kerana perbuatan tersebut akan menyulitkan tuan rumah. Jangan duduk terlalu lama, sebaiknya selesai menikmati hidangan, diberikan ruang tempat duduk kepada tetamu lain yang sampai kemudian.

Keempat: Tidak mengambil makanan secara berlebihan, tidak membawa bersama tetamu tambahan tanpa terlebih dahulu memaklumkan dan mendapat izin tuan rumah, tidak membawa pulang makanan yang disajikan, atau meminta membawa makanan balik ke rumah untuk mengelakkan tuan rumah terpaksa menanggung beban aib apabila makanan tidak cukup untuk dihidangkan kepada tetamu yang sampai kemudian.

Kelima: Hadir ke majlis berpakaian menutup aurat, sesuai dan sopan. Dianjurkan pakaian bersih dan cantik, tanda meraikan majlis yang dianjurkan bagi menambahkan seri majlis.

Keenam: Mengucap tahniah dan mendoakan kebaikan pengantin dan keluarga. Disunatkan memberi sumbangan atau hadiah mengikut kemampuan bagi menggemirakan tuan rumah.

Ketujuh: Tidak menjadikan bahan umpatan, menyebut-nyebut kekurangan dan kecacatan yang terdapat dalam majlis atau merendah-rendahkan pengantin dan seisi keluarga.

Jemaah Rahimakumullah

Kesimpulannya, majlis walimatulurus ialah ibadah dan sunnah yang amat dituntut. Ummah dituntut memenuhi adab-adab murni ketika menganjur dan menghadiri majlis. Raihlah peluang meraikan pasangan raja sehari dengan melakukan sebanyak-banyak kebaikan. Bersyukur dengan nikmat yang Allah SWT kurniai melalui perkahwinan yang disyariatkan, kerana Allah SWT telah menjanjikan pelbagai kebaikan dan menyempurnakan kehidupan melalui perkahwinan.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ اِخْوَانَنَا وَاَخَوَاتِنَا وَاَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاَحْفَظْ
اَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُودَهَا وَدَمَّرْ اَعْدَائِكَ اَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Rahman Ya Rahim! permudah urusan hamba Mu yang ingin membina mahligai perkahwinan, seterusnya melangsungkan majlis walimatulurus. Dengan rahmat Mu, berkati majlis yang dilangsungkan, lindungi dan selamatkan perjalanan rombongan pengantin dan para tetamu yang menghadiri majlis walimatulurus; semoga niat dan usaha murni mereka mendapat petunjuk dan perlindungan Mu Ya Allah, dilimpahi keberkatan dunia - kebaikan akhirat. **Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan. **Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel. **Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah. **Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum. **Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا اتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.